

22 MAY 2001

Hishammuddin-Cina

JANGAN SALAH TAFSIRKAN LANGKAH UMNO

KUALA LUMPUR, 22 Mei (Bernama) -- Ketua Pergerakan Pemuda Umno Datuk Hishammuddin Tun Hussein tidak mahu pihak tertentu menyalah tafsirkan kesediaan parti itu menerima bekas anggota parti Angkatan Keadilan Rakyat (Akar) Sabah yang keturunan Cina menganggotainya.

Penyertaan mereka dalam Umno adalah bersyarat dan telah dijelaskan secara menyeluruh oleh Perdana Menteri yang juga presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kata Hishammuddin selepas mesyuarat jawatankuasa pengelola Sukan SEA di sini hari ini.

Katanya kedudukan ini hanya untuk anggota Akar dan kesediaan untuk menerima mereka sebagai anggota baru Umno adalah berdasarkan komitmen mereka yang bersedia mendokong perjuangan asas parti itu.

"Mereka yang diterima menganggotai Umno telah berikrar serta memberi sokongan tanpa berbelah bagi terhadap perjuangan Umno...sama ada ianya merupakan hak keistimewaan Melayu, kuota pendidikan dan juga status agama Islam sebagai agama rasmi yang diperjuangkan dan ini telah dinyatakan sendiri oleh bekas presiden Akar Datuk Pandikar Amin Mulia semalam," kata Hishammuddin.

Menurutnya berdasarkan pertimbangan ini dalam menerima mereka sebagai ahli, ia merupakan perkara yang boleh memperkukuhkan lagi kedudukan serta kekuatan Umno yang sentiasa pragmatik.

"Mereka ini juga tanpa berbelah bagi menyokong dan memperjuangkan dengan ahli kita perkara-perkara yang termaktub yang telah menjadi landasan perjuangan Umno itu sendiri serta syarat yang berkaitan dengan kemasukan mereka dalam Umno," katanya.

Menurut Hishammuddin beliau telah menerima pelbagai pandangan daripada banyak pihak melalui surat dan faks di pejabatnya semalam malah katanya ada yang memberi pandangan negatif terhadap langkah tersebut.

"Selaku ketua pemuda saya meminta pihak-pihak tertentu supaya memahami syarat-syarat yang ditetapkan oleh presiden parti mengenai kemasukan bekas ahli parti Akar ini menganggotai Umno," katanya.

"Kenyataan Perdana Menteri untuk menerima bukan Bumiputra dalam Umno itu dikhususkan untuk ahli parti Akar Sabah sahaja, oleh itu jangan cuba nak salah tafsirkannya," kata Hishammuddin.

-- BERNAMA

AHA LAT